

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Khamis, 9 November 2023**



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN KETIGA 2023**

Indeks volum Perkhidmatan tumbuh 4.4 peratus pada suku tahun ketiga 2023

PUTRAJAYA, 9 November 2023 – Indeks volum Perkhidmatan tumbuh 4.4 peratus tahun ke tahun dengan mencatatkan 146.7 mata pada suku tahun ketiga 2023 (Carta 1). Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun pula, indeks ini naik 2.8 peratus. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Ketiga 2023**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan Lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Prestasi indeks volum Perkhidmatan bagi suku tahun ini dipacu oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang tumbuh 5.1 peratus berbanding tahun lepas, diikuti oleh segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (0.2%), segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (6.9%) dan segmen Perkhidmatan Lain (8.7%).”

Dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks volum bagi segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan meningkat 5.1 peratus dan merekodkan 148.7 mata. Pendorong utama terdiri daripada Perdagangan Borong & Runcit (5.0%) diikuti oleh Makanan & Minuman (2.2%) dan Penginapan (17.1%). Pada masa yang sama, Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan naik 0.2 peratus berikutan peningkatan dalam Profesional, Saintifik & Teknikal dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (9.1%) dan Hartanah (8.0%). Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan meningkat 6.9 peratus dengan mencatatkan 160.3 mata, disumbangkan oleh pertumbuhan Maklumat & Komunikasi (3.5%) dan Pengangkutan & Penyimpanan (12.6%). Pada masa yang sama, segmen Perkhidmatan Lain mencatatkan indeks volum 119.4 mata dengan pertumbuhan 8.7 peratus hasil peningkatan dalam Kesihatan Swasta (11.3%), Pendidikan Swasta (4.1%) dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (11.1%).”

Bagi perbandingan suku tahunan pula, indeks volum Perkhidmatan bagi suku tahun ketiga 2023 naik 2.8 peratus (Carta 2). Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah bahawa prestasi ini disumbangkan oleh kenaikan segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (2.4%), diikuti oleh segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (5.5%), segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (1.2%) dan segmen Perkhidmatan Lain (1.5%).


Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks volum pelarasan musim mencatatkan pertumbuhan 0.7 peratus berbanding suku tahun kedua 2023. Prestasi ini dipacu oleh pertumbuhan dalam segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (2.8%), segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (1.1%) dan segmen Perkhidmatan Lain (1.2%). Walau bagaimanapun, segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan turun -0.5 peratus.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun



**Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan
Peratus Perubahan Suku Tahun ke Suku Tahun**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 NOVEMBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Thursday, 9 November 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA
THIRD QUARTER 2023**

Volume index of Services grew 4.4 per cent in the third quarter 2023

PUTRAJAYA, November 9, 2023 – Volume index of Services grew 4.4 per cent year-on-year to record 146.7 points in third quarter 2023 (Chart 1). Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, this index went up 2.8 per cent. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **Volume Index of Services (2015=100), Third Quarter 2023**. This publication consists of four segments namely Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment; Business Services and Finance segment; Information & Communication and Transportation & Storage segment; and Other Services segment.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The performance of volume index of Services for this quarter was driven by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment which grew 5.1 per cent compared to last year. This was followed by Business Services and Finance segment (0.2%),

Information & Communication and Transportation & Storage segment (6.9%), and Other Services segment (8.7%)."

In a statement today, the Chief Statistician Malaysia also said, "The volume index for Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment rose 5.1 per cent to stand at 148.7 points. The leading contributors were Wholesale & Retail Trade (5.0%), followed by Food & Beverages (2.2%) and Accommodation (17.1%). Concurrently, Business Services and Finance segment improved 0.2 per cent in the third quarter 2023 following the increase in Professional, Scientific & Technical and Administrative & Support Services (9.1%) and Real Estate (8.0%). Information & Communication and Transportation & Storage segment increased 6.9 per cent to record 160.3 points, contributed by the growth of Information & Communication (3.5%) and Transportation & Storage (12.6%). At the same time, Other Services segment recorded a volume index of 119.4 points with a growth of 8.7 per cent, attributed to the increase in Private Health (11.3%), Private Education (4.1%), and Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services & Other Activities (11.1%)."

For quarterly comparison, volume index of Services for the third quarter 2023 grew 2.8 per cent (Chart 2). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that this performance was mainly contributed by the increase in Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment (2.4%), followed by Business Services and Finance segment (5.5%), Information & Communication and Transportation & Storage segment (1.2%), and Other Services segment (1.5%).

The Chief Statistician Malaysia also informed that the seasonally adjusted volume index registered a growth of 0.7 per cent compared to the second quarter 2023. This was driven by the growth in Business Services and Finance segment (2.8%), Information & Communication and Transportation & Storage segment (1.1%), and Other Services segment (1.2%). Conversely, Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment inched down -0.5 per cent.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agriculture Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Volume Index of Services and Year-on-Year Percentage Change





Chart 2: Volume Index of Services and Quarter-on-Quarter Percentage Change



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 NOVEMBER 2023**